

**PENGARUH PENGLIBATAN PELAJAR TAHUN  
AKHIR DI SABAH DALAM PROGRAM  
*UPSKILLING* DAN KEBIMBANGAN KERJAYA  
TERHADAP KESEDIAAN BEKERJA DALAM  
TEMPOH PKP: KETAHANAN KENDIRI  
SEBAGAI PENYEDERHANA**



**PENGARUH PENGLIBATAN PELAJAR TAHUN  
AKHIR DI SABAH DALAM PROGRAM  
*UPSKILLING* DAN KEBIMBANGAN KERJAYA  
TERHADAP KESEDIAAN BEKERJA DALAM  
TEMPOH PKP: KETAHANAN KENDIRI  
SEBAGAI PENYEDERHANA**



**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

## **PENGAKUAN**


Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

21 OGOS 2023



MOHD FAQHRULLAH BIN KHAMIS

MP1921248T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : MOHD FAQHRULLAH BIN KHAMIS  
NO MATRIK : MP1921248T  
TAJUK : PENGARUH PENGLIBATAN PELAJAR TAHUN AKHIR DI SABAH DALAM PROGRAM *UPSKILLING* DAN KEBIMBANGAN KERJAYA TERHADAP KESEDIAAN BEKERJA DALAM TEMPOH PKP: KETAHANAN KENDIRI SEBAGAI PENYEDERHANA

IJAZAH : SARJANA PSIKOLOGI

BIDANG : PSIKOLOGI

TARIKH VIVA : 21 OGOS 2023



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

**PENYELIA**

Dr. Getrude Cosmas Ah. Gang

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Getrude", is placed over a horizontal line.

## PENGHARGAAN

**بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ**

Maha suci Allah S.W.T, ku syukuri nikmat kurniaanMu atas segala kekuatan dan rezeki yang telah diberikan. Titipan penghargaan dengan irungan kasih sayang ini ditujukan khas buat ayahanda dan bonda saya iaitu Encik Khamis Bin Hj Sakah dan Puan Tolla Binti Hj Mana di atas sokongan dan motivasi yang diberikan sepanjang perjuangan saya dalam pendidikan. Terima kasih tiada terhingga juga kerana tidak pernah putus mendoakan dan membantu sedaya kudrat bagi perjalanan pengajian yang penuh dengan ranjau liku. Terima Kasih juga saya ucapkan kepada adik-beradik (Qharmielah, Fhazielah, Qhalielah dan Qhamarullah) yang sentiasa memberi sokongan dan dokongan untuk saya demi menghabiskan pengajian Ijazah Sarjana ini. Tanpa bantuan daripada kalian semua, maka tidak berjaya lah saya dalam bidang pendidikan ini.

Di kesempatan ini saya juga ingin memberikan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Getrude Cosmas, selaku penyelia akademik saya yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan serta nasihat kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala teguran, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan semampunya dimanfaatkan untuk penghasilan tesis yang baik. Mungkin tidak sempurna, tapi pengalaman pengajian ini adalah sebahagian proses kehidupan yang mematangkan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu, berkongsi idea dan pendapat dalam proses menyiapkan pengajian ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang pelaksanaan tesis ini. Jasa dan pengorbanan anda semua tidak akan dilupakan. Kini mengenggam Ijazah Sarjana bukan satu mimpi bagi seorang pelajar luar bandar dalam perjuangan dalam menuntut ilmu. Semoga setiap kebaikan yang dilakukan akan diberi ganjaran yang setimpal. Semoga bertemu lagi di ruang dan peluang yang akan datang.

MOHD FAQHRULLAH BIN KHAMIS

21 OGOS 2023

## ABSTRAK

Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada sektor ekonomi dan ramai pekerja yang telah hilang pekerjaan. Hal ini telah menyebabkan kerisauan dan kebimbangan kepada semua pihak terutamanya pelajar tahun akhir di Institusi Pengajian Tinggi yang akan berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi. Dalam mendepani cabaran ini, Pelajar tahun akhir hendaklah lebih bersedia dengan melibatkan diri dalam program *upskilling* bagi meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah yang amat diperlukan dalam dunia pekerjaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh penglibatan pelajar dalam program *upskilling* terhadap kesediaan bekerja dan juga pengaruh kebimbangan masa hadapan terhadap kesediaan bekerja. Selain itu, mengenal pasti peranan ketahanan kendiri sebagai penyederhana antara penglibatan pelajar dalam program *upskilling* dengan kesediaan bekerja dan juga penyederhana antara kebimbangan kerjaya masa hadapan dengan kesediaan bekerja. Tujuan lain, mengkaji perbezaan ketahanan kendiri antara pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah. Penyelidikan kuantitatif secara tinjauan dilaksanakan dengan mengedarkan soal selidik kajian kepada 345 orang responden berdasarkan persampelan rawak mudah di 10 buah IPT di Sabah. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 28 bagi menganalisis data deskriptif (demografi responden) dan inferensi (regresi mudah, regresi berganda dan ujian T) berdasarkan lima hipotesis yang dikemukakan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh positif penglibatan program *upskilling* terhadap kesediaan bekerja ( $\beta=.75$ ,  $t_{(343)}=8.62$ ,  $k=.001$ ); manakala kebimbangan kerjaya masa hadapan memberi pengaruh positif terhadap kesediaan bekerja ( $\beta=.42$ ,  $t_{(343)}=8.62$ ,  $k=.001$ ). Dari segi ketahanan kendiri, ia tidak memainkan peranan sebagai penyederhana dalam hubungan antara penglibatan pelajar dalam program *upskilling* dengan kesediaan bekerja; ketahanan kendiri juga tidak memainkan peranan sebagai penyederhana dalam hubungan antara kebimbangan kerjaya masa hadapan dengan kesediaan bekerja. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan antara pelajar IPTA dan PTS dari segi ketahanan kendiri. Saranan kajian, skop kajian boleh diperluaskan dengan memilih pelajar daripada Sabah sahaja untuk melihat *trend* bidang pekerjaan dan peluang pekerjaan di Sabah pada masa hadapan. Dari segi implikasi kajian, penglibatan pelajar tahun akhir dalam program *upskilling* dapat membantu meningkatkan kesediaan mereka bekerja. Dapatan ini dapat membantu pihak universiti dan pihak berwajib mengenalpasti faktor psikologikal yang mungkin memberikan pengaruh kepada kesediaan dan kebimbangan kerjaya dalam kalangan pelajar IPT khususnya di Sabah.

**Kata kunci:** Program Upskilling, Kebimbangan Kerjaya, Kesediaan Bekerja, Ketahanan Kendiri, Pelajar Tahun Akhir IPT Sabah.

## **ABSTRACT**

### **THE EFFECT OF FINAL YEAR STUDENTS' INVOLVEMENT IN THE UPSKILLING PROGRAMS AND CAREER ANXIETY ON THE READINESS TO WORK DURING THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO): RESILIENCE AS A MODERATOR**

*The COVID-19 pandemic has affected the economic sector and many workers have lost their jobs. This has caused worries and anxieties to all parties, especially final year students at Higher Education Institutions who will be faced with challenges of obtaining a job after graduation. In facing these challenges, final year students should be more prepared by engaging in upskilling programs to improve mastery of soft skills that are very necessary in the work world. This study aims to identify the impact of student involvement in the upskilling program and future career anxiety towards work readiness. Additionally, identifying the role of resilience as a moderator between student involvement in the upskilling programs and future career anxiety towards work readiness. Another purpose is to study the difference in resilience between students of Public Institutions of Higher Education (IPTA) and Private Institutions of Higher Education (IPTS) in Sabah. Quantitative survey research was carried out by distributed research questionnaires to 345 respondents based on simple random sampling in 10 HEIs in Sabah. Data was analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 28 to analyze descriptive data (respondent demographics) and inference (simple regression, multiple regression, and t-test) based on the five hypotheses presented. The study showed that there is a positive impact of upskilling program involvement on readiness to work ( $\beta=.75$ ,  $t(343)=8.62$ ,  $k=.001$ ); while future career anxiety has a positive impact on readiness to work ( $\beta=.42$ ,  $t(343)=8.62$ ,  $k=.001$ ). In terms of resilience, it does not play a moderating role in the relationship between student involvement in upskilling programs and readiness to work; resilience also did not play a moderating role in the relationship between future career anxiety and readiness to work. The study also found no significant difference between IPTA and IPTS students in resilience. This research recommends the scope of the study can be expanded by selecting students from Sabah only to see the trends in employment and job opportunities in Sabah in the future. The study implication is the involvement of final year students in the upskilling program could enhance their readiness to work. The findings of this study can assist universities and authorities to identify psychological factors that may impact career readiness and anxiety among HEI students, especially in Sabah.*

**Keywords:** *Upskilling Program, Career Anxiety, Work Readiness, Resilience, Sabah IPT Final Years*

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
 <b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	3
1.2 Latar belakang Kajian	
1.2.1 Statistik Graduan Lepasan IPT	19
1.2.2 Bilangan Graduan Warganegara Malaysia mengikut Status Pekerjaan berdasarkan Kategori IPT, 2021	28
1.2.3 Bilangan dan Peratus Graduan Warganegara Malaysia mengikut Status Pekerjaan berdasarkan Negeri Bermastautin, 2021	31
1.2.4 Bilangan dan Peratus Graduan Warganegara Malaysia mengikut Status Pekerjaan berdasarkan Peringkat Pengajian, 2021	34
1.3 Permasalahan Kajian	
1.3.1 Penglibatan Pelajar Dalam Program <i>Upskilling</i>	37
1.3.2 Kebimbangan Kerjaya Masa Hadapan	39
1.3.3 Kesediaan Bekerja	40
1.3.4 Ketahanan Kendiri	41
1.4 Persoalan Kajian	42

1.5	Objektif Kajian	43
1.6	Kepentingan Kajian	44
1.7	Rumusan	45

## **BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	47
2.2	Pendekatan Teori/ Model Berkaitan	47
2.3	Sorotan Kajian Lepas	
2.3.1	Pengaruh Penglibatan Program <i>upskilling</i> Terhadap Kesediaan Bekerja Pelajar Tahun Akhir Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	49
2.3.2	Pengaruh Kebimbangan Kerjaya Terhadap Kesediaan Pelajar Bekerja Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	52
2.3.3	Ketahanan Kendiri Sebagai Penyederhana Antara Kesan Penglibatan Dalam Program <i>upskilling</i> Dan Kebimbangan Terhadap Kesediaan Untuk Bekerja	55
2.3.4	Perbezaan Ketahanan Kendiri antara pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah	58
2.4	Kerangka Model Kajian	61
2.5	Definisi	
2.5.1	Definisi Konsep	63
2.5.2	Definisi Operasi	66
2.6	Hipotesis	69
2.7	Rumusan	69

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	72
3.4	Lokasi Kajian	75
3.5	Tempoh Masa Pentadbiran Soal Selidik	75

3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	
3.6.1	Kesahan Alat Kajian	76
3.6.2	Kebolehpercayaan Alat Kajian	77
3.6.3	Proses Pengadaptasian Instrumen	78
3.7	Alat Kajian	79
3.8	Tatacara Kajian	84
3.8.1	Tatacara Pengumpulan Data Secara Bersemuka	85
3.8.2	Tatacara Pengumpulan Data Secara Dalam Talian	86
3.8.3	Etika Kerahsiaan Data Responden	87
3.8.4	Penyimpanan Data Responden	88
3.8.5	Kajian Awal/ <i>Pilot Study</i>	88
3.9	Analisis Data	90
3.10	Rumusan	90

#### **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	92
4.2	Keputusan Analisis Deskriptif	93
4.2.1	Analisis Demografi Responden	93
4.3	Pengujian Syarat bagi Analisis Regresi	99
4.3.1	Nilai <i>Outliers</i>	99
4.3.2	Normaliti Data	101
4.4	Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	102
4.4.1	Kajian Rintis	102
4.4.2	Kajian Sebenar	106
4.5	Analisis Kajian	107
4.5.1	Pengaruh penglibatan program <i>upskilling</i> terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	107
4.5.2	Pengaruh kebimbangan kerjaya masa hadapan terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	108
4.5.3	Ketahanan kendiri bertindak sebagai penyederhana bagi hubungan antara penglibatan program <i>upskilling</i> dengan	109

kesediaan bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	
4.5.4 Ketahanan kendiri bertindak sebagai penyederhana bagi hubungan antara kebimbangan kerjaya masa hadapan dengan kesediaan bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	111
4.5.5 Perbezaan ketahanan kendiri antara pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah.	113
4.6 Rumusan	113

## **BAB 5 : PERBINCANGAN**

5.1 Pengenalan	116
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	117
5.2.1 Pengaruh penglibatan program <i>upskilling</i> terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	117
5.2.2 Pengaruh kebimbangan kerjaya masa hadapan terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	120
5.2.3 Ketahanan kendiri bertindak sebagai penyederhana bagi hubungan antara penglibatan program <i>upskilling</i> dengan kesediaan bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	123
5.2.4 Ketahanan kendiri bertindak sebagai penyederhana bagi hubungan antara kebimbangan kerjaya masa hadapan dengan kesediaan bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	125
5.2.5 Perbezaan ketahanan kendiri antara pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah.	127
5.3 Rumusan	130

**BAB 6 : KESIMPULAN**

6.1	Pengenalan	131
6.2	Limitasi Kajian	132
6.2.1	Maklum balas IPT	132
6.2.2	Maklum balas responden	133
6.2.3	Instrumen kajian	133
6.3	Implikasi Kajian	134
6.3.1	Implikasi Terhadap Polisi/Dasar	134
6.3.2	Implikasi Terhadap Program/pelaksanaan	135
6.3.3	Implikasi Terhadap Psikologikal	135
6.4	Cadangan Kajian	137
6.5	Rumusan	138
<b>RUJUKAN</b>		139
<b>LAMPIRAN</b>		153



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	: Taburan graduan warganegara Malaysia mengikut jenis IPT dan sebab belum bekerja, 2021	18
Jadual 1.2	: Statistik utama tenaga buruh mengikut mengikut daerah pentadbiran, Sabah, 2018-2020	22
Jadual 1.3	: Bilangan graduan institusi pendidikan tinggi (warganegara) yang sudah bekerja mengikut daerah pentadbiran, Sabah, 2018-2020	24
Jadual 1.4	: Bilangan graduan institusi pendidikan tinggi (warganegara) yang belum bekerja mengikut daerah pentadbiran, Sabah, 2018-2020	26
Jadual 1.5	: Bilangan graduan warganegara malaysia mengikut status pekerjaan berdasarkan kategori IPT, 2021	30
Jadual 1.6	: Bilangan graduan warganegara malaysia mengikut status pekerjaan berdasarkan negeri bermastautin, 2021	32
Jadual 1.7	: Bilangan graduan warganegara malaysia mengikut status pekerjaan berdasarkan peringkat pengajian, 2021	36
Jadual 2.1	: Jadual teori perkembangan Super (1980)	48
Jadual 3.1	: Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan	74
Jadual 3.2	: Tahap kesahan	77
Jadual 3.3	: Jadual interpretasi skor alpha cronbach	78
Jadual 3.4	: Taburan item mengikut bahagian dalam borang soal selidik	80
Jadual 4.1	: Maklumat demografi responden mengikut jantina secara terperinci (n=345)	93
Jadual 4.2	: Analisis nilai ekstrem bagi pemboleh ubah kajian	100
Jadual 4.3	: Ujian normaliti data bagi pemboleh ubah kemahiran 4c	101
Jadual 4.4	: Ujian normaliti data bagi pemboleh ubah kebimbangan kerjaya masa hadapan	101
Jadual 4.5	: Ujian normaliti data bagi pemboleh ubah kesediaan bekerja	102

Jadual 4.6	: Ujian normaliti data bagi pemboleh ubah ketahanan kendiri	102
Jadual 4.7	: Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>four job-related skills of the fourth revolution industry scale</i>	104
Jadual 4.8	: Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>future anxiety scale</i>	104
Jadual 4.9	: Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>the work readiness scale</i>	105
Jadual 4.10	: Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>brief resilient coping scale</i>	106
Jadual 4.11	: Analisis regresi mudah bagi mengkaji pengaruh penglibatan program upskilling terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	107
Jadual 4.12	: Analisis regresi mudah bagi mengkaji pengaruh kebimbangan kerjaya masa hadapan terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	108
Jadual 4.13	: Pengaruh ketahanan kendiri sebagai moderator dalam hubungan antara penglibatan program upskilling dengan kesediaan bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	110
Jadual 4.14	: Pengaruh ketahanan kendiri sebagai moderator dalam hubungan antara kebimbangan kerjaya masa hadapan dengan kesediaan bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	112
Jadual 4.15	: Ujian-t sampel bebas bagi melihat perbezaan ketahanan kendiri antara pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah.	113
Jadual 4.16	: Ringkasan keputusan kajian mengikut hipotesis	114

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1 : Model teori kesediaan Seligman	47
: Kerangka model penglibatan pelajar dalam program Rajah 2.2 <i>upskilling</i> dan kebimbangan kerjaya masa hadapan terhadap kesediaan bekerja : Ketahanan kendiri sebagai penyederhana	61
Rajah 3.1 : Tatacara pengumpulan data	84
Rajah 3.2 : Tatacara pengumpulan data secara bersemuka	86
Rajah 3.3 : Tatacara pengumpulan data secara dalam talian	87



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI SINGKATAN

<b>IPT</b>	- Institusi Pengajian Tinggi
<b>IPTA</b>	- Institusi Pengajian Tinggi Awam
<b>IPTS</b>	- Institusi Pengajian Tinggi Swasta
<b>KPT</b>	- Kementerian Pengajian Tinggi
<b>PENJANA</b>	- Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
<b>YSS</b>	- Yayasan Sukarelawan Siswa
<b>NGO</b>	- Pertubuhan Bukan Kerajaan
<b>IR 4.0</b>	- Revolusi Industri 4.0
<b>IRDP</b>	- <i>Institute for Research &amp; Development of Policy</i>
<b>PKP</b>	- Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PdP</b>	- Pengajaran dan Pembelajaran
<b>MPEN</b>	- Majlis Penasihat Ekonomi Negara
<b>USM</b>	- Universiti Sains Malaysia
<b>GLC</b>	- Syarikat Milik Kerajaan
<b>UA</b>	- Universiti Awam
<b>PNGK</b>	- Purata Nilaian Gred Kumulatif
<b>SPSS</b>	- <i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
<b>UMS</b>	- Universiti Malaysia Sabah
<b>UiTM</b>	- Universiti Teknologi Mara
<b>IPGK</b>	- Institut Pendidikan Guru Kampus
<b>NBUC</b>	- North Borneo University College
<b>UNITAR</b>	- Universiti Tun Abdul Razak
<b>OUM</b>	- Open University Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

**Halaman**

Lampiran A	Borang Soal Selidik	153
------------	---------------------	-----



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Seiring dengan kemajuan dan pembangunan negara, Malaysia memerlukan golongan muda untuk mencapai status negara maju bagi melahirkan modal insan atau pewaris generasi yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang untuk mentadbir dan memimpin sesbuah negara. Malaysia merupakan negara yang sedang membangun dan menuju ke arah status negara maju. Bagi mencapai status negara maju, Malaysia hendaklah memastikan beberapa kriteria perlu dicapai antaranya mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai persaingan ekonomi, dinamik, giat dan kental menerusi pertumbuhan ekonomi yang pesat, perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi dan kadar pengangguran yang rendah seperti yang terangkum dalam laporan daripada Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020).

Apabila dikaitkan dengan pekerjaan, pelbagai isu mula muncul di benak fikiran pelajar tahun akhir iaitu isu kebolehpasaran graduan. Walaupun isu yang diketengahkan dalam kajian ini bukannya isu yang baru tetapi isu ini masih menjadi kegusaran semua pihak terutamanya pelajar universiti yang bakal bergraduat. Isu-isu seperti pengangguran, penglibatan pelajar dalam program *upskilling*, kebimbangan kerjaya masa hadapan, kesediaan bekerja dan juga ketahanan kendiri pelajar merupakan isu yang sentiasa segar dan menjadi *trend* dalam kalangan pelajar serta pasaran buruh.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 29 April 2020 dalam Laporan Perangkaan Tenaga Buruh, pasaran buruh di

Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif dengan pertambahan penduduk bekerja seramai 15.3 juta orang kepada 15.6 juta orang. Peningkatan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.0%. Namun begitu, kadar pengangguran di Malaysia kekal pada 3.3% pada tahun 2019. Pengangguran pada tahun 2019 tidak dipengaruhi oleh impak negatif yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dan akan memberi kesan kepada indikator tenaga buruh pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Sememangnya tahun 2020 merupakan tahun yang agak sukar dan mencabar untuk semua graduan di Malaysia dan seluruh dunia. Hal ini disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 yang dipercayai merebak daripada negara China. Kajian daripada Roberts *et al.* (2021) mendapati bahawa COVID-19 muncul di negara China pada awal Oktober hingga pertengahan November 2019. Wabak ini dipercayai bermula daripada suatu tempat di China iaitu Wuhan. Pada Januari 2020, virus ini telah tersebar ke seluruh dunia termasuklah negara Malaysia. Wabak ini memberi kesan yang buruk terutamanya kepada sektor ekonomi. Terdapat beberapa perkhidmatan yang terjejas semasa pandemik, antaranya syarikat penerbangan, syarikat pelancongan, syarikat pengangkutan awam, peniaga-peniaga kecil dan banyak lagi. Sehubungan dengan itu, ramai pekerja yang hilang pekerjaan semasa tempoh pandemik COVID-19. Menurut akhbar Sinar Harian bertarikh 31 Oktober 2020, seramai 800,000 orang pekerja hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 sejak Mac 2020 (Mohd Nasaruddin & Luqman Arif, 2020).

Pandemik COVID-19 sememangnya memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat global, termasuklah negara Malaysia. Antaranya kesan ke atas faktor ekonomi, kesihatan, keselamatan, politik dan sosial. Penularan wabak ini juga telah menyebabkan ramai rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan dan menganggur sepanjang tempoh pandemik berlaku (Anuar Shah, 2020). Hal ini turut memberikan kesan kepada industri berskala kecil. Selain itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara juga memberi kesan kepada peniaga-peniaga kecil dan juga syarikat perniagaan. Hal ini kerana tidak semua sektor ekonomi yang dibuka sepanjang tempoh PKP dijalankan.

Tidak semua sektor yang beroperasi ketika pandemik COVID-19 melanda bumi Malaysia. Sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP adalah perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan mengikut fasa-fasa tertentu. Berdasarkan Laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), berikutan daripada pelaksanaan PKP di negara ini, penutupan perniagaan telah menyebabkan banyak syarikat yang tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan. Hal ini termasuklah kos syarikat termasuk gaji pekerja sehingga mereka terpaksa memberhentikan pekerja. Situasi ini menyebabkan peluang pekerjaan yang ditawarkan semasa tempoh pandemik ini adalah sangat terhad dan ini pastinya akan menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran.

Peningkatan kadar pengangguran ini juga akan memberikan kesan kepada bakal graduan di Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan pasca pandemik. Hal ini kerana, graduan dan bakal graduan perlu bersaing dengan pekerja yang diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara. Pengangguran di Malaysia sebelum pandemik juga amat merisaukan apatah lagi ketika berlakunya pandemik COVID-19. Kadar pengangguran di Malaysia yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) meningkat kepada 3.5 peratus pada suku pertama 2020 berbanding 3.2 peratus pada suku keempat 2019 berikutan daripada kadar pengangguran yang meningkat pada bulan Mac 2020 (3.9%). Bilangan penganggur pula meningkat 5.8 peratus kepada 546.6 ribu orang pada suku pertama 2020 berbanding suku yang sama pada tahun lepas. Kadar dan bilangan pengangguran ini dipengaruhi oleh impak negatif daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas pasaran pasaran buruh.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kebanyakan siswazah yang telah berjaya menamatkan pengajian di universiti masih belum mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan kurang mempunyai kemahiran sesuatu bidang. Siti Salbiah *et al.* (2018) berpendapat bahawa peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai kemahiran insaniah. Isu pengangguran dalam kalangan graduan merupakan isu utama yang menjadi dilema dalam kalangan graduan selepas


bergraduasi. Definisi pengangguran adalah individu yang berumur 16 tahun ke atas yang tidak bekerja, mampu dan bersedia bekerja dan aktif mencari pekerjaan (Ndzwayiba, 2020). Pengangguran dikategorikan kepada dua iaitu pengangur aktif dan juga pengangur tidak aktif. Pengangur aktif adalah individu yang tidak bekerja sepanjang minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan sepanjang minggu rujukan.

Pengangur tidak aktif pula adalah individu yang berada dalam beberapa kategori iaitu individu yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana mereka percaya bahawa mereka tidak akan mendapat pekerjaan atau tidak berkelayakan. Kedua adalah individu yang mungkin mencari pekerjaan jika mereka tidak sakit atau keadaan cuaca yang tidak baik untuk mencari pekerjaan. Ketiga adalah individu yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Menurut laporan dalam *US Bureau of Labor Statistics*, minggu rujukan bermaksud minggu tertentu dalam bulan yang digunakan untuk menentukan status pekerjaan tinjauan responden, dan minggu terakhir tempoh pencarian pekerjaan selama empat (4) minggu yang digunakan untuk menentukan status pengangguran.

Setakat 28 Februari 2021 seramai 40,550 orang graduan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara yang masih belum mendapatkan pekerjaan termasuklah graduan daripada IPT Awam (IPTA), IPT Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti dan institusi kemahiran lain (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021). Jumlah pengangguran di Malaysia yang semakin meningkat adalah disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dan sekaligus impak negatif daripada PKP ke atas pasaran buruh (Abdul Aziz, 2020). Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), kadar graduan siswazah pada tahun 2018 yang belum bekerja adalah sebanyak 57,411 orang. Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), seramai 504.3 ribu orang pengangur di Malaysia pada tahun 2019. Jumlah ini terus meningkat kepada 525.2 ribu orang dan 777.5 ribu orang pengangur masing-masing pada Februari 2020 dan Februari 2021.

Pekerjaan yang dapat menjamin kehidupan masa hadapan merupakan impian semua individu. Memiliki pekerjaan yang tetap dan terjamin juga dapat

memberikan kepuasan kepada diri dan dapat menjamin kehidupan masa hadapan individu dan keluarga. Perkara ini merupakan impian terbesar setiap pelajar apabila mereka bergraduat kelak. Namun sejak akhir-akhir ini, isu tentang kebolehpekerjaan graduan yang meningkat menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelajar. Antara faktor yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelajar adalah peningkatan jumlah graduan pada setiap tahun. Menurut *Institute for Research & Development of Policy* (IRDP), jumlah graduan Universiti dan Kolej yang dihasilkan dalam masa setahun adalah sebanyak 200,000 orang pelajar. Akibat daripada penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan kadar kebolehpekerjaan dalam kalangan graduan semakin berkurang berikutan kurangnya permintaan dalam pasaran buruh. Selain itu, PKP yang dilaksanakan di seluruh negara Malaysia juga memberi kesan terhadap sektor pekerjaan. Banyak sektor pekerjaan yang terpaksa ditutup sebagai usaha membantu pihak kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam masyarakat (Abdul Aziz, 2020).



Cabarani pandemik COVID-19 memberi kesan yang cukup mendalam terhadap peluang pekerjaan. Menurut Kamarul Azman (2021), pihak Kerajaan perlu memberi fokus kepada usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang melibatkan pelbagai sektor. Pengambilan pekerja yang melibatkan pelbagai sektor juga perlu diperluaskan tanpa mengenakan syarat yang terlalu ketat. Langkah tersebut penting bagi menampung keperluan ribuan atau lebih mereka yang hilang pekerjaan sepanjang tempoh pandemik. Limitasi dalam mendapatkan pekerjaan ini membuatkan ramai pelajar mula berasa bimbang dan risau terhadap kerjaya mereka pada masa hadapan. Kebimbangan kerjaya ini semakin bertambah apabila melihat kadar pengangguran di negara ini semakin meningkat dalam kalangan graduan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), jumlah graduan di Malaysia pada tahun 2020 adalah seramai 5.36 juta orang meningkat daripada tahun sebelumnya iaitu seramai 5.13 juta orang. Kadar jumlah graduan bekerja dalam kumpulan pekerja mahir adalah seramai 3 juta orang graduan yang mewakili kumpulan profesional (1.78 juta orang), juruteknik dan profesional bersekutu (749.5 ribu orang). Bagi kumpulan separuh mahir pula seramai 1.26 juta orang manakala kumpulan pekerjaan kemahiran rendah pula adalah seramai 98.1 ribu orang.

Namun, jumlah graduan yang tidak mendapat pekerjaan meningkat daripada 165.2 ribu orang pada tahun 2019 kepada 202.4 ribu orang pada tahun 2020. peningkatan jumlah penganggur dalam kalangan siswazah meningkat sebanyak 37.2 ribu orang. Pertambahan jumlah penganggur dalam kalangan graduan Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 22.4 ribu orang manakala graduan Diploma pula adalah seramai 14.8 ribu orang. Selain itu, lebih 75 peratus daripada penganggur siswazah adalah individu yang aktif mencari pekerjaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Secara umumnya, kebimbangan adalah keadaan perasaan yang bercirikan perasaan bimbang yang melampau beserta simptom somatik seperti ketegangan fizikal (Feldman, 1990). Kebimbangan adalah sebuah gangguan psikologi yang umum disebabkan kesukaran individu dan tanggungjawab yang asas bagi seseorang individu yang mencerminkan peningkatan kebimbangan mereka dalam kehidupan akan datang (Schmid *et al.*, 2011). Menurut Adwas *et al.*, (2019) pula, faktor kebimbangan juga mungkin disebabkan oleh faktor tekanan, diabetes, kemurungan, genetik, dan persekitaran. Kebimbangan adalah merupakan suatu pengalaman yang tidak menyenangkan dalam kehidupan manusia. Kebimbangan jelas menunjukkan dapat mengganggu *mood*, pemikiran, tingkah laku, dan aktiviti fisiologi seseorang individu dengan beberapa gejala lain seperti gangguan tidur, tumpuan, sosial dan/atau pekerjaan yang dilakukan (Sidek, 2006).

Kebimbangan juga adalah satu perasaan risau yang melampau. Kebimbangan juga berkaitan dengan mana-mana simptom berikut yang dialami oleh seseorang sekurang-kurangnya tiga simptom daripada enam simptom selama 6 bulan seperti kegelisahan, mudah marah, cepat penat, sukar untuk menumpukan perhatian, mempunyai masalah gangguan tidur dan mengalami ketegangan otot (*American Psychiatric Association* dalam DSM-5; Munir *et al.*, 2019). Terdapat beberapa jenis kecelaruan kebimbangan menurut *National Institute of Mental Health* (2020), antaranya kecelaruan kebimbangan umum (*Generalised Anxiety Disorder*), kecelaruan kebimbangan sosial (*Social Anxiety Disorder*), kecelaruan kebimbangan Kompulsif (*Obsessive-Compulsive Disorder*), kecelaruan Panik (*Panic Disorder*), kebimbangan Post-Trauma (*Post Traumatic Stress Disorder*), fobia dan kemurungan.

Kebimbangan ini ditambah lagi dengan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh pandemik. Ini akan menyebabkan pelajar tahun akhir kurang bersedia untuk menceburi bidang pekerjaan. Hal ini jelas di mana menurut Mohd Shafry (2020), bakal graduan perlu bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran seperti persaingan dalam mendapatkan pekerjaan dan juga kreativiti mereka untuk menempuh cabaran pasca pandemik ini. Di samping itu, pelajar juga hendaklah mengenal pasti kemahiran baharu yang diperlukan dalam industri untuk dijadikan sebagai satu nilai tambah untuk dipilih bekerja di dalam sesebuah syarikat seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Kajian lepas (Maznizam Mansor & Abdullah Mat Rashid, 2013; Zalizan *et al.*, 2013) juga mendapati pelajar IPT mengalami masalah kesediaan bekerja yang rendah dan sederhana. Kajian daripada Gysbers (2013) pula menjelaskan bahawa kesediaan bekerja merujuk kepada individu yang mengetahui kepentingan kerjaya atau pencapaian yang baik semasa pada peringkat Universiti. Pemahaman ini membantu pelajar untuk meneroka potensi diri dan peluang pasaran kerja dengan mengikuti program kerjaya. Merujuk kepada pelajar tahun akhir, kebimbangan dalam mendapatkan pekerjaan pastinya akan mempengaruhi kesediaan mereka untuk menceburi sesuatu bidang pekerjaan. Menurut Kamro (2012), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar untuk menceburi bidang pekerjaan antaranya minat, pengetahuan, media massa, situasi pekerjaan dan lain-lain.

Terdapat juga sebilangan besar pelajar tahun akhir yang berasa risau terhadap kerjaya masa hadapan mereka. Hal ini menyebabkan pelajar semakin runsing terutamanya apabila mereka tidak mahir dalam mengenal pasti minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka dengan baik. Hasilnya, pelajar sukar memperoleh pekerjaan yang bersesuaian dengan minat mereka. Selain itu, terdapat juga sebilangan pelajar yang masih tidak dapat mengenal pasti minat sebenar mereka dalam memilih bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang diambil di universiti (Abdullah, 2006). Pemilihan sesebuah kerjaya pada masa kini memerlukan persediaan yang mencukupi seperti kelayakan akademik, pengalaman dan kemahiran lain seperti insaniah dan teknikal. Namun, terdapat beberapa perkara yang amat membimbangkan pelajar tahun akhir di setiap IPT di